



قَسْبِيْنَدُ عَزْزٌ وَجَوَادٌ اِنْ مَجْلِسِيْزٍ وَجَعَلُوْا
مَعْمَدُكَ اِحْبَانُ سَكُوْلِيْزٍ مِّنْجَاوِيْزٍ اَوْ كَامِلُزٍ عَرَبِ اَبْنُوْا
يَا اِيَّاسَنُ اِسْلَامُ كَلَنْتَنُ



Ekonomi (3767/2)
Kertas 2
Ogos 2025
2 jam 15 minit

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2025 M / 1447 H**

**EKONOMI
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nama dan tingkatan anda pada
ruangan di atas.

2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua
bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.

3. Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan
dua soalan daripada Bahagian B

4. Tulis jawapan anda pada ruang yang
disediakan dalam kertas peperiksaan ini.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	20	
	2	20	
	3	20	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
	7	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 23 halaman bercetak

SULIT

© 2025 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2


[LIHAT HALAMAN SEBELAH

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan daripada bahagian ini

- 1 (a) Gambar 1 di bawah menunjukkan faktor pengeluaran dalam ekonomi.



- (i) Nyatakan sumber ekonomi tersebut.

[1 markah]

- (ii) Jelaskan sumber ekonomi di 1 (a) (i).

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

- (b) Berikut adalah maklumat satu sistem ekonomi.

Individu dan pihak swasta bebas melakukan aktiviti untuk kepentingan masing-masing tetapi kerajaan kawal aktiviti agar kebajikan rakyat dan kestabilan ekonomi tidak terjejas.


- (i) Tentukan sistem ekonomi di atas.

[1 Markah]

- (ii) Jelaskan kelebihan sistem di b (i).

[3 markah]

(c) Rajah 1 berkaitan dengan keseimbangan pasaran suatu barang.



Rajah 1

Jelaskan keseimbangan pasaran berikut :

(i) Pada RM15.

[3 Markah]

(ii) Pada titik E

[3 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

(d) Jadual 1 berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti (unit)
8	20
4	35

Jadual 1

(i) Hitung keanjalan harga permintaan jika harga barang tersebut menurun dari RM8 kepada RM4.

[illegible]

[2 markah]

(ii) Mengapakah firma perlu menurunkan harga barang untuk memaksimumkan jumlah hasil?

[illegible]

[3 markah]

- 2 (a) Jelaskan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan.

[4 markah]

- (b) Bezakan antara keperluan dan kehendak.

[6 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Butiran	RM
Kos bahan mentah	15 000
upah buruh	8 000
sewa kilang	5 000

- (i) Tentukan kos pengeluaran yang terlibat.

[2 markah]

- (ii) Berikan justifikasi berdasarkan jawapan anda di 2(c)(i).

[4 markah]

- (d) Bagaimanakah faktor buruh akan mempengaruhi tingkat produktiviti sesebuah firma.

Jelaskan.

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



(ii) Mengapakah kerajaan melaksanakan belanjawan tersebut?

[3 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan asing ke dalam negara.

Malaysia kini jadi tarikan utama pelaburan asing

Kestabilan politik dan ekonomi merupakan faktor utama yang membantu mengurangkan risiko pelaburan, menjadikannya pilihan dan meningkatkan keyakinan pelabur luar terhadap persekitaran pelaburan di negara ini.

Sumber: Diubah suai daripada www.utusan.com.my, 03 April 2025

Jelaskan kesan situasi tersebut kepada ekonomi negara.

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran antara mata wang dalam Singapura Dolar (SGD) berbanding dengan Ringgit Malaysia (RM)

Unit (SGD)	Januari 2025 (RM)	Jun 2025 (RM)
1	3.2983	3.2825

Syarikat Weny telah membeli barang bernilai SGD35 000 pada Januari 2025 dan membuat bayaran pada bulan Jun 2025.

- (i) Hitungkan jumlah bayaran dalam Ringgit Malaysia pada Jun 2025.

[2 markah]

- (ii) Jelaskan perubahan kadar pertukaran asing terhadap imbalan dagangan Malaysia pada bulan Mei.

[4 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

Bahagian B**[40 markah]**

Jawab *mana-mana* dua soalan daripada bahagian ini.

- 4** Maklumat berikut berkaitan pengurusan kewangan golongan muda.

60 peratus mufliis adalah golongan muda

KUALA LUMPUR: Laporan kajian Pantauan Ekonomi Malaysia Disember 2019 yang diterbitkan Bank Dunia, menganggarkan sejumlah 60 peratus daripada keseluruhan individu mufliis di Malaysia adalah dari golongan muda yang berumur 25 hingga 44 tahun, ekoran daripada tabiat berbelanja melebihi pendapatan. Antara faktor penyebabnya ialah kenaikan kos sara hidup semasa. Jumlah peminjam mufliis juga disebabkan oleh pinjaman peribadi dan kredit kad yang meningkat sebanyak 104 peratus dan 43 peratus, pada 2018 berbanding 2012 menurut kajian Bank Dunia.

Sumber: ubah suai Berita Harian Online, 11 Disember 2019

- (a) Mengapakah golongan muda berhadapan dengan masalah tersebut.

[4 markah]

- (b) Jelaskan langkah-langkah yang boleh diambil oleh golongan muda agar dapat menambah punca pendapatan mereka.

[7 markah]

- (c) Setujukah anda pinjaman peribadi dan penggunaan kad kredit menjadi penyumbang kepada masalah tersebut?.

Berikan hujah anda.

[9 markah]

5 Maklumat berikut berkaitan dengan dua bentuk pelaburan.

Pembelian emas adalah instrumen yang menjadi pilihan pelabur di kala kegawatan ekonomi kerana dikira sebagai aset selamat dan kalis inflasi. Risiko setiap aset adalah berbeza dan akan mempengaruhi pulangan pelaburan.	Amanah SAHAM Bumiputra (ASB) adalah tabungan dalam bentuk pelaburan kepada masyarakat bumiputra. ASB juga boleh menjadi tabungan kecemasan kerana wang pelaburan boleh dikeluarkan pada bila-bila masa yang diperlukan.
Maklumat 1	Maklumat 2

- (a) Mengapakah Maklumat 1 menjadi pilihan pelabur. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan ke atas pasaran barang tempatan apabila berlaku peningkatan pelaburan dalam kedua-dua maklumat. [7 markah]
- (c) Bagaimanakah kedua-dua pelaburan di maklumat tersebut mampu meningkatkan ekonomi isi rumah. [9 markah]
- Bincangkan.

6

Petikan berikut berkaitan dengan pengeluaran kereta nasional negara.

**Proton akhiri 2024 dengan prestasi cemerlang,
berjaya jual 152,352 unit kenderaan**

KUALA LUMPUR: Proton Holdings Bhd menamatkan tahun 2024 dengan mencatat jualan tertinggi selepas berjaya menjual 14,601 unit kenderaan pada Disember, peningkatan 19.7 peratus berbanding bulan sebelumnya dan merupakan angka jualan kedua tertinggi untuk tahun itu. Proton Saga menutup tirai 2024 sebagai model Proton terlaris dengan 72,769 unit terjual, meningkat 3.7 peratus berbanding 2023.

Proton X50 2024 mendapat sambutan menggalakkan dengan jumlah tempahan sebanyak 8,000 unit, menyerlahkan daya tarikan produknya yang kukuh dalam pasaran SUV yang kompetitif dengan 2,614 unit terjual, manakala bagi 2024, jumlah jualan mencapai 23,647 unit, menjadikannya SUV segmen B terlaris untuk tahun keempat berturut-turut.

Sumber: ubah suai <https://www.astroawani.com>, 07 Januari 2025

- (a) Mengapakah berlakunya peningkatan jualan kereta tersebut. [4 markah]
- (b) Cadangkan langkah yang boleh diambil oleh Proton untuk terus mengekalkan prestasi jualan.
Perincikan. [7 markah]
- (c) Bersetujukan anda peningkatan jualan tersebut membantu pertumbuhan ekonomi negara.
Buktikan. [9 markah]

SULIT

PERCUBAAN SPM YIK 2025 EKONOMI K2

[LIHAT HALAMAN SEBELAH

7

Maklumat berikut berkaitan dengan sekatan perdagangan.

Kesan Sekatan tarif AS terhadap sektor pertanian Malaysia

Pasaran minyak sawit Malaysia di AS agak kecil. Pada 2024, Malaysia mengeksport 191,000 tan minyak sawit ke AS, hanya sekitar 10 peratus daripada import minyak sawit AS dan 1.1 peratus daripada jumlah eksport minyak sawit Malaysia.

Walaupun pasaran ini kecil, tarif yang dikenakan akan meningkatkan kos minyak sawit bagi pengguna akhir di AS. Kenaikan harga akibat tarif ini berkemungkinan mendorong pengeluaran makanan di AS menggantikan minyak sawit dengan alternatif domestik yang kompetitif dari segi harga, seperti minyak kacang soya.

<https://www.utusan.com.my/13 April 2025>

- (a) (i) Nyatakan jenis sekatan tersebut. [1 markah]
- (ii) Mengapakah kerajaan mengenakan sekatan. [3 markah]
- (b) Dengan bantuan rajah, jelaskan kesan sekatan tersebut terhadap penawaran firma. [7 markah]
- (c) Tindakan kerajaan mampu mengatasi dorongan pengeluaran makanan tersebut. Beri pandangan anda. [9 markah]